

Perubahan dalam Ritual *Siwang* Kumpulan Bah Lut, Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak

Changes in Siwang Ritual of the Bah Lut Group at Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak

*NORLIDA MOHD JALALUDIN¹

MOHD HASSAN ABDULLAH²

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun (IPGKTB), Mengkuang, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

²Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: idamie3@gmail.com

Published online: 15 April 2020

To cite this article: Norlida Mohd Jalaludin and Mohd Hassan Abdullah. 2020. Perubahan dalam ritual *Siwang* Kumpulan Bah Lut, Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 27(1): 25–43. <https://doi.org/10.21315/kajh2020.27.1.2>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2020.27.1.2>

Abstract. *Siwang* ritual still continues to be practised among the Semai indigenous people at Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. This Semai legacy acquired by the people in this village is presently being practised through performances by the Bah Lut Group. *Siwang Kebut* and *Siwang Asik* are two varieties of the *siwang* ritual. *Siwang Kebut* is practised for healing purposes while *Siwang Asik* focuses on entertainment. At present, the *siwang* ritual evolves in accordance with the lifestyle of the people as well as other factors such as deforestation, technological development and government policies. This article discusses the changes in *siwang* ritual of the Bah Lut Group. Some aspects of the changes include their practice, functions, venue and time of the performance, accessories, costume and dance choreography. Nevertheless, the Bah Lut Group still upholds the source of the repertoire and musical instrument that is used in the *siwang* ritual. Observation method with series of interviews, video performance and photographs are used for data acquisition. Today, the Bah Lut Group actively performs the *siwang* ritual as a cultural performance in many government, corporate and even private functions. This documentation process is vital in sustaining and maintaining the treasures of the unique *siwang* ritual culture.

Keywords and phrases: *Semai, Siwang Kebut, Siwang Asik, evolution, siwang performance*

Abstrak. Ritual *Siwang* masih menjadi amalan komuniti Asli Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Ritual yang diwarisi turun-temurun oleh Semai di perkampungan ini kini diamalkan melalui persembahan Kumpulan Bah Lut. Terdapat dua jenis *siwang*, iaitu *Siwang Kebut* dan *Siwang Asik*. *Siwang Kebut* diamalkan untuk mengubati penyakit manakala *Siwang Asik* pula adalah untuk tujuan hiburan. Amalan ritual *siwang* kini mengalami perubahan selaras dengan perubahan gaya hidup komuniti Semai di samping dipengaruhi faktor-faktor lain seperti pencerobohan dan kemusnahan hutan, pembangunan teknologi serta polisi kerajaan. Makalah ini membincangkan perubahan-perubahan dalam ritual *siwang* Kumpulan Bah Lut. *Siwang* mengalami perubahan dari aspek amalan, fungsi, tempat dan masa persembahan, perhiasan dan kostum serta koreografi tarian. Namun demikian, Kumpulan Bah Lut masih mengekalkan sumber repertoir dan alat muzik yang dimainkan dalam ritual *siwang*. Kaedah pemerhatian melalui beberapa siri temu bual, rakaman video persembahan dan gambar foto digunakan bagi mendapatkan data. Kini, Kumpulan Bah Lut aktif mempersembahkan ritual *siwang* sebagai persembahan budaya dalam majlis-majlis kerajaan, korporat, swasta atau perseorangan. Pendokumentasian ini sangat penting bagi memastikan keunikan ritual *siwang* berkenaan terus dipelihara dan disimpan sebagai khazanah budaya.

Kata kunci dan frasa: Semai, *Siwang Kebut*, *Siwang Asik*, perubahan, persembahan *siwang*

Pendahuluan

Orang Asli merupakan golongan minoriti di Semenanjung Malaysia. Golongan minoriti ini terdiri daripada tiga kumpulan besar, iaitu Negrato, Senoi dan Melayu Proto. Fokus makalah ini ialah komuniti Semai daripada kumpulan besar Senoi di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak yang terletak dalam mukim Kampar, Perak. Kampung tersebut adalah di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) daerah Kinta dan Kampar. Jarak kampung dari jalan utama adalah 500 meter.

Terdapat 39 buah perkampungan Orang Asli dan dua kawasan bandar yang dihuni oleh komuniti Semai. Daripada 39 buah kampung tersebut, hanya empat buah kampung yang dikategorikan sebagai maju, 11 buah kampung sebagai mundur dan selebihnya pula sebagai sederhana. Dua kawasan bandar yang dihuni oleh komuniti Semai dikategorikan sebagai maju (JAKOA 2012).

Kampung Bukit Terang berkeluasan 1.94 hektar dengan jumlah penduduk seramai 217 orang yang terletak di pinggir hutan ini diklasifikasikan sebagai sederhana dari aspek ekonomi. Tanah yang diduduki oleh komuniti Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak merupakan milik kerajaan negeri (JAKOA 2012). Pengagihan jantina menunjukkan jumlah kaum lelaki Semai lebih banyak berbanding kaum wanita di kampung tersebut (lihat Jadual 1).

Jadual 1. Bilangan penduduk Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak

Bil.	Jantina	Jumlah
1	Lelaki	118
2	Wanita	99
	Jumlah	217

Sumber: JAKOA Negeri Perak dan Kedah (2012)

Kehidupan seharian komuniti Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak dikawal oleh sistem kepercayaan yang berkaitan dengan alam semesta. Kebanyakan komuniti Semai di Kampung Bukit Terang masih mengamalkan sistem kepercayaan yang diwarisi turun-temurun, iaitu animisme, yang menghubungkan mereka dengan kosmologi merangkumi alam persekitaran dan alam ghaib. Daripada 217 orang Semai di Kampung Bukit Terang, 167 orang masih mengamalkan animisme, 49 orang pula menganut agama Kristian dan hanya seorang menganut agama Islam (JAKOA Negeri Perak dan Kedah 2012).

Komuniti Semai yang mengamalkan animisme percaya bahawa setiap entiti hidup dan bukan hidup seperti tumbuhan, sungai, batu, pokok dan haiwan mempunyai roh, sama ada baik atau jahat, yang dipanggil *ruai* dalam bahasa Semai. *Ruai* yang baik sangat penting dalam kehidupan komuniti Semai di Kampung Bukit Terang, namun *ruai* yang jahat pula sangat berbahaya kepada mereka. Menurut Mohd Taib (1989, 79), kehilangan semangat atau roh berbahaya kepada manusia. Selain percaya terhadap roh jahat yang membawa pelbagai bencana, komuniti Semai di Kampung Bukit Terang juga mempercayai konsep panas dan sejuk. Mereka percaya bahawa makanan sejuk yang tidak dimasak kurang membawa penyakit berbanding makanan yang dimasak. Mereka juga suka tinggal di kawasan pedalaman, terutama berhampiran aliran sungai kerana keadaan persekitaran yang sejuk. Menurut Nicholas, Tijah dan Tiah (2003, 48), komuniti Semai lebih gemar tinggal di hutan berbanding di kawasan lapang kerana sifat hutan yang sejuk.

Konsep panas dan sejuk ini turut mempengaruhi kawasan penempatan mereka. Kebanyakan rumah yang dibina oleh kerajaan menerusi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan tersebut lazimnya akan disambung dengan rumah tradisional mereka (lihat Rajah 1). Mereka lebih gemar duduk di rumah tradisional kerana keadaan rumah tersebut yang lebih sejuk.

Konsep tersebut turut dikaitkan dengan perihal jantina, iaitu kaum perempuan dikaitkan dengan keadaan sejuk kerana mereka lebih sabar, sejuk hati, lembut dan halus. Oleh sebab itu, kaum perempuan Semai menjadi korus dalam upacara ritual. Kaum lelaki Semai pula dikatakan panas kerana sikap mereka yang kurang sabar, melakukan kerja-kerja berat, agresif dan berani.



Rajah 1. Rumah PPRT yang disambung dengan rumah tradisional di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak

Kepercayaan terhadap alam ghaib yang diwarisi turun-temurun amat menebal dalam jiwa mereka. Kepercayaan tersebut dilengkapi dengan upacara ritual yang dipanggil *siwang*. Menurut Hood Salleh (2006, 23), ritual berkenaan dapat mengekalkan hubungan harmoni antara manusia dengan alam semula jadi.

Amalan Ritual *Siwang* dalam Kalangan Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak

Suatu ketika dahulu, komuniti Semai di Kampung Bukit Terang mengamalkan ritual yang dipanggil *Siwang Kebut* untuk mengubati penyakit, menyambut kelahiran bayi, meneroka ladang baharu, membersihkan kampung yang dilanda bencana dan sebagai tanda bersyukur. *Siwang Asik* pula adalah untuk tujuan bersuka ria, menyambut tahun baharu dan meraikan tetamu.

Upacara ritual *siwang* menggabungkan elemen nyanyian, muzik dan tarian. *Siwang Kebut* diadakan dalam suasana yang betul-betul gelap manakala *Siwang Asik* diadakan dalam suasana yang meriah dan terang-benderang. Komuniti Semai di Kampung Bukit Terang menggunakan damar yang diperoleh dari hutan sekitar untuk menerangi kawasan bersiwang. Upacara ritual *siwang* diketuai oleh seorang bomoh yang dipanggil *hala'*. Pada masa-masa tertentu, *Siwang Asik* menggabungkan kemahiran dan kehandalan beberapa orang *hala'*.

Dalam ritual *siwang*, *hala'* akan menyanyikan lagu-lagu vokal yang diperoleh daripada mimpi. Berdasarkan kajian Roseman (1991, 25), semasa bermimpi, roh atau *ruai* kepala orang yang bermimpi akan bertemu dengan *ruai* entiti lain seperti pokok, sungai, siamang atau harimau yang akan menyatakan hasrat untuk menjadi roh pendamping kepada yang bermimpi tersebut. Dalam kalangan komuniti Semai, roh pendamping dipanggil *gunik*. *Gunik* akan menyanyikan lagu vokal secara frasa demi frasa, diikuti orang yang bermimpi sehingga selesai. Setelah sedar daripada mimpi, lagu tersebut kukuh terpahat dalam memori orang yang bermimpi tersebut. Hubungan termeterai antara *gunik* dengan orang yang bermimpi melalui lagu. Keupayaan menerima lagu-lagu vokal daripada *gunik* semasa bermimpi dan menyanyikan semula lagu mimpi tersebut dalam keadaan *bersawai* (tidak sedar akan diri kerana kemasukan makhluk halus) semasa *siwang* memberikan penghormatan kepada individu tertentu sebagai *hala'*. Lagu-lagu yang dinyanyikan merupakan ilmu yang menjadi asas keupayaan orang yang bermimpi tersebut untuk mengubati pesakit. Cubitt dan Moore (1995, 43) menyatakan bahawa majoriti Orang Asli mempunyai bomoh yang bertindak sebagai perantara antara manusia dengan alam ghaib. Nyanyian *hala'* berupa puji-pujian terhadap roh pendamping atau *gunik*.

Apabila lagu mimpi dinyanyikan dalam ritual *siwang*, lagu tersebut menjadi “jalan” yang menghubungkan *gunik, hala'*, penyanyi korus dan pesakit (Roseman 1993, 6). Lagu-lagu yang dinyanyikan oleh *hala'* akan disahut oleh penyanyi korus secara berbalas-balas. Penyanyi korus juga bertindak sebagai pemain muzik dan lazimnya terdiri daripada empat orang wanita. Wanita menjadi pilihan komuniti Semai kerana kepercayaan mereka terhadap konsep panas dan sejuk.

Semai women are believed to have come from the cool realm and as such display the virtues of being composed, controlled, patient and conciliatory in daily life. Even during the healing ceremonies, their choral voices accompanying the chant of the shaman has the feature soft, genuine and refined. (Nicholas, Tijah dan Tiah 2003, 48–49)

Siwang lazimnya diadakan selama tiga hari dan tiga malam atau tujuh hari dan tujuh malam dari pukul 9:00 malam sehingga dinihari (3:00 hingga 5:00 pagi). Namun begitu, jangka masa bagi *Siwang Kebut* bergantung kepada *hala'*. Mereka mengadakan *siwang* di balai atau di rumah *siwang*. Dahulu, balai *siwang* dibina jauh di kawasan pedalaman untuk mengelak daripada gangguan bunyi bising yang akan mempengaruhi kehadiran *ruai*.

Ritual *siwang* diiringi dengan muzik yang dihasilkan menerusi hentakan *centung*. *Centung* ialah sepasang tiub buluh dengan panjang yang berbeza dan diperbuat daripada buluh minyak yang dipanggil *awat neng ro*. Alat muzik ini dimainkan

dalam ritual *siwang* kerana buluh merupakan bahan yang banyak digunakan dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan spiritual. *Centung* dimainkan secara berpasangan malah alat ini turut melambangkan jantina, iaitu tiub buluh yang panjang melambangkan kaum lelaki manakala tiub buluh yang pendek pula melambangkan kaum wanita. *Centung* dihentak pada papan kayu bagi menghasilkan rentak dan *timbre* tertentu. Tiub buluh pendek akan menghasilkan warna bunyi (*timbre*) tinggi dan tiub buluh yang panjang menghasilkan *timbre* rendah. Hentakan *centung* dapat membantu *hala'* untuk berada dalam keadaan *bersawai*. Berdasarkan temu bual pengarang dengan Bah Kang¹ pada 15 Disember 2011, “lagi kuat bunyi hentakan *centung*, lagi cepat *ruai* datang”. Dalam ritual *Siwang Asik*, hentakan *centung* juga diiringi dengan pukulan *remana* (panggilan untuk alat muzik rebana dalam komuniti Semai di kampung tersebut) yang bertujuan untuk memeriahkan suasana.

Selain itu, sumber hutan seperti *kijai* (kemenyan hutan) dan pelbagai daun serta bunga yang berbau wangi perlu disediakan sebelum persembahan ritual *siwang*. Hubungan hutan dengan kaum Semai sangat akrab dari aspek fizikal, budaya dan spiritual (Nicholas, Tijah dan Tiah 2003, 57). Penggunaan tumbuhan hutan yang berbau wangi adalah untuk menghormati *ruai* yang dipuja. Tumbuhan tertentu yang diperoleh dari hutan sekitar turut menghiasi para pemain *siwang*. Mereka menghias kepala serta bahagian badan hingga ke paras pinggang dengan dedaun yang diperoleh dari hutan sekitar.

Anyaman daun kelapa yang didandan dalam bentuk beluru menghiasi badan mereka dari paras pinggang hingga ke bawah. *Tempok*, iaitu hiasan di kepala pemain *siwang* diperbuat daripada anyaman daun kelapa atau kulit kayu. Pada *tempok* tersebut, diselit pelbagai daun wangi seperti daun *lebak* (daun halia yang diambil dari kawasan gunung yang berbau wangi), palas kembang dan tanduk rusa serta bunga yang berwarna terang seperti *mengi* atau bunga tahi ayam. Wajah para pemain *siwang* pula dilukis dengan corak harimau menggunakan warna putih yang diperbuat daripada tepung beras dan warna merah daripada bunga kesumba. Tujuan lukisan corak tersebut adalah untuk mengelak atau menghindar pemain *siwang* daripada *ruai* jahat. Bauan yang wangi, *ce' nol* (tatarias wajah), dedaun dan bunga-bunga yang menghiasi badan para pemain *siwang* serta balai *siwang* juga membantu merangsang kehadiran *gunik*.

The leaf and flower ornaments are pivotal in the movement of spiritguides from the jungle into the settlement that is effected through singing sessions. The leaves serve as camouflage luring spiritguides from the jungle to alight upon the central ornament of fragrant leaves and flowers suspended from the rafters. (Roseman 1984, 419)

Hala' pula akan memakai baju yang diperbuat daripada kulit kayu terap dan selempang yang diperbuat daripada anyaman daun mengkuang.

Para penari turut memainkan peranan penting dalam ritual *siwang*. Pergerakan tarian dan kawalan badan para penari berkembang melalui muzik yang dihasilkan menggunakan *centung* atau *centung* bersama *remana*. Para penari bergerak lembut, berbuai-buai ke arah kiri dan juga kanan, dalam bentuk bulatan, yang akan membawa mereka ke alam khayalan. Roseman (1993, 163–164) menyatakan bahawa pergerakan penari suku kaum wanita Semai dalam ritual tersebut berkait dengan lambaian pelepah kelapa dan dedaun hutan yang ditiup angin. Berdasarkan temu bual dengan informan, koreografi tarian telah ditentukan oleh *gunik* dalam mimpi *hala'*. Semasa para penari menari di balai *siwang*, pergerakan kaki para penari perlu mengikut rentak *centung* untuk mengelakkan kaki daripada tersepit di celah-celah lantai yang diperbuat daripada bilah buluh. Fowler (1994, 51) pula berpendapat tarian adalah sebahagian daripada kehidupan setiap suku kaum Asli. Mereka menari untuk mencegah roh jahat, penyakit dan pelbagai misteri.

Setiap elemen sama ada *hala'*, penyanyi korus, pemain muzik, para penari dan sumber hutan adalah penting dalam ritual *Siwang Kebut* dan *Siwang Asik*. Elemen-elemen berkenaan memainkan peranan penting untuk membantu *hala'* bagi merangsang kehadiran *gunik* seperti yang dinyatakan oleh Roseman (1993, 164), “Like swaying movements, the fragrant and visually pleasing facepaint, leaves and flowers decorating people and ceremonial house interiors are said to entice the presence of spiritguides”.

Namun demikian, amalan ritual ini termasuk elemen-elemen *siwang* telah mengalami perubahan selaras dengan perubahan masa. Amalan ritual *siwang* kini menjadi satu persembahan budaya komuniti Semai oleh Kumpulan Bah Lut.

Perubahan dalam Ritual *Siwang* oleh Kumpulan Bah Lut

Strategi program pembangunan komuniti Orang Asli merangkumi modenisasi gaya hidup, meningkatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, kemudahan pendidikan serta penempatan semula. Usaha tersebut bukan sahaja memisahkan mereka daripada gaya hidup tradisional bahkan turut memberikan impak terhadap amalan ritual mereka. Dalam hal ini, McCaskill dan Kampe (1997, 28) menyatakan bahawa “development inevitably brings about changes in the culture of indigenous people”.

Seiring dengan evolusi masa, gaya hidup komuniti Semai di Kampung Bukit Terang juga mengalami perubahan. Situasi tersebut turut memberi impak kepada ritual *siwang* dengan perubahan dari aspek amalan, fungsi, tempat dan masa persembahan, perhiasan diri, kostum dan koreografi. Faktor-faktor lain seperti pencerobohan dan kemusnahan hutan, pembangunan teknologi serta polisi kerajaan turut memberi impak terhadap ritual *siwang*. Edo (2006) menyatakan bahawa pemodenan negara menyebabkan tradisi *siwang* dalam kalangan Semai mengalami perubahan. Chan (2012, 17) dalam kajiannya pula merumuskan bahawa polisi negara dan proses globalisasi memberikan kesan terhadap aktiviti muzik pelbagai suku kaum Asli melalui pelbagai cara.

Siwang yang suatu ketika dahulu merupakan upacara ritual pengubatan komuniti Semai di Kampung Bukit Terang, kini lebih bersifat sebagai persembahan budaya komuniti Semai melalui Kumpulan Bah Lut. Hal tersebut terbukti apabila Kumpulan Bah Lut sering menerima undangan daripada pelbagai sektor swasta, kerajaan mahupun korporat untuk mengadakan persembahan *siwang*. Situasi tersebut disokong melalui pernyataan dan dapatan oleh Chan (2012, 13), “The Semai experience musical activities during the early twenty first century include traditional *sewang* performances for visitors. Organizations and visitors beyond the village sometimes request traditional *sewang* performance”. Bukti ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan Edo (2006, 71) yang menyatakan bahawa *siwang* lebih ketara dipersembahkan sebagai satu bentuk hiburan umum, iaitu sebagai pertunjukan budaya.

Setelah komuniti Semai di Kampung Bukit Terang mula menerima kedua-dua cara proses pengubatan, iaitu rawatan moden dan tradisional, kekerapan amalan ritual mereka semakin berkurangan. Keadaan ini selaras dengan pendapat Lim (1997, 121) bahawa pengubatan tradisional dan moden diamalkan oleh komuniti Orang Asli untuk mengubati penyakit. Pengubatan tradisional ialah rawatan yang melibatkan kepercayaan spiritual dan ritual komuniti Orang Asli.

Komuniti Semai di Kampung Bukit Terang mendapatkan rawatan moden daripada Klinik Kesihatan Kampar yang berhampiran dengan kampung mereka. Sekiranya penyakit yang dihadapi agak serius, mereka akan dihantar ke Hospital Besar Kampar. Kehadiran klinik-klinik swasta dan kedai ubat Cina serta kedai runcit yang menjual ubatan moden di sekitar bandar Kampar turut memberikan impak terhadap amalan ritual komuniti Semai di Kampung Bukit Terang. Hal tersebut diakui oleh Bah Johan dalam satu temu bual dengan pengarang pada 29 November 2012.² Pengubatan tradisional melalui *Siwang Kebut* hanya akan diadakan sekiranya rawatan moden ternyata gagal menyembuhkan penyakit terbabit.

Selain sebagai persembahan budaya, iaitu memperkenalkan budaya komuniti Semai Kampung Bukit Terang, persembahan *siwang* tersebut juga secara tidak langsung dapat membantu mengukuhkan identiti etnik mereka dalam kalangan masyarakat dominan. Hal ini seperti yang disebut oleh Kaemmer (1993, 158), “Music often serves to emphasize ethnic identity, or the principal characteristics of an ethnically distinct group within a larger society. This use of music is often found among Native Americans”. Perubahan daripada muzik ritual kepada muzik ekspresi identiti etnik adalah penting terutama bagi masyarakat yang gaya hidup mereka berubah secara drastik dalam menghadapi masyarakat industrialisasi moden (Kaemmer 1993, 175).

Amalan *siwang* menerusi Kumpulan Bah Lut di Kampung Bukit Terang pada masa kini semakin meluas dan mencabar bukan sahaja dalam mengekalkan hubungan yang baik dengan alam ghaib serta mengubati penyakit, bahkan untuk membantu mengekalkan identiti etnik mereka menerusi persembahan budaya *siwang* dalam kalangan masyarakat dominan. Hal tersebut sangat penting kerana polisi integrasi, pembangunan dan pemodenan negara oleh kerajaan memberikan impak yang besar terhadap identiti masyarakat Orang Asli pada masa kini (Chan 2012, 7). Secara tidak langsung, pengiktirafan identiti etnik Semai di Kampung Bukit Terang juga dapat membantu dalam memperjuangkan hak milik tanah adat yang diwarisi turun-temurun.

Perubahan *siwang* bukan sahaja melibatkan amalan dan fungsi tetapi juga tempat bersiwang. Dahulu, upacara ritual *siwang* diadakan di rumah khas. Berdasarkan temu bual dengan Bah Johan pada 30 November 2013 pula,² beliau menyatakan bahawa rumah khas tersebut dibina jauh di dalam hutan agar upacara ritual tersebut tidak diganggu oleh bunyi bising. Gelegar rumah tersebut diperbuat daripada kayu liat manakala lantai pula diperbuat daripada bilah-bilah buluh yang dijalin dengan rotan. Rumah khas tersebut dipanggil balai *siwang* atau rumah *siwang*.

Sewang are usually performed in a specially erected structure called rumah *sewang* which has a floor made of 8 centimetres wide bamboo strips attached with rattan straps to beams made of thick logs. The bamboo floor bounces with the rhythm of the music enhancing the movement of the dancers. (Hood Salleh 2006, 26)

Rumah atau balai *siwang* tersebut bukan sahaja mengalami perubahan dari aspek fizikal bahkan lokasi rumah *siwang* juga turut berubah. Rumah *siwang* diperbuat daripada kayu yang diperolehi dari hutan bukan sahaja menjadi tempat tinggal Bah Kang tetapi juga menjadi tempat bersiwang.

Kini, tempat persembahan *Siwang Asik* lebih fleksibel, asalkan tempat tersebut lapang dan sesuai. Perubahan tempat persembahan *siwang* kini juga selaras dengan fungsinya sebagai persembahan budaya. Persembahan *Siwang Asik* boleh diadakan di pekarangan rumah atau pentas terbuka mahupun tertutup. Semasa mempersembahkan *Siwang Asik*, Kumpulan Bah Lut tidak lagi menggunakan damar untuk menerangi persekitaran dan kini menggunakan lampu elektrik.

Hubungan hutan dengan komuniti Semai amat akrab. Hutan merupakan tempat tinggal komuniti Orang Asli dan memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka (Transparency International Malaysia 2013). Namun demikian, mereka juga dahagakan pembangunan, kemajuan dan gaya hidup moden yang selesa tetapi pada masa yang sama mereka juga menuntut interaksi sosial yang harmoni dengan alam sekitar (Haliza 2010, 111–134).

Kemusnahan hutan merupakan satu cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mendesak serta menjejaskan kehidupan harian berjuta-juta manusia. Kemusnahan hutan bukan sahaja menjejaskan tumbuhan hutan bahkan mewujudkan masalah kekurangan sumber perubatan (Transparency International Malaysia 2013).

Kumpulan Bah Lut menggunakan sumber hutan dalam kedua-dua upacara *siwang*. Upacara ritual *Siwang Kebut* Semai di Kampung Bukit Terang melibatkan bahan-bahan yang hanya terdapat dari hutan sekitar. Penyediaan dan penggunaan sumber hutan seperti dedaun wangi dalam ritual *siwang* bergantung kepada tujuan *siwang* tersebut, sama ada untuk *Siwang Asik* atau *Siwang Kebut* serta *gunik* yang akan dipuja (berdasarkan temu bual pengarang dengan Bah Kang pada 29 November 2013).¹ Sebagai contoh, bagi tujuan pengubatan dan pemutus ubat, daun salak adalah sangat penting untuk diikat pada setiap tiang rumah. Selain itu, daun lebak, daun *pengkeras*, daun gajah beranak, kemenyan, *ben calong*, daun bertam, daun kelapa dan pelbagai daun yang berbau wangi seperti yang dinyatakan dalam mimpi perlu disediakan. Dalam *Siwang Asik* pula, *hala*’ perlu menyediakan daun kunyit hutan, daun *bengu*, daun kelapa, tanduk rusa, bunga *mengi* dan daun palas.

Daripada temu bual bersama Bah Kang,¹ beliau masih mengekalkan penggunaan sumber hutan tersebut walaupun persembahan *siwang* diadakan di luar kawasan penempatan. Menurut beliau lagi, “Kalau susah nak dapat dekat hutan dengan rumah, saya upah anak-anak buah untuk masuk hutan jauh ambik. Saya bimbang habis semua daun ini, orang balak ambik tanah”.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Bah Kang kini berusaha menanam tumbuhan yang penting untuk tujuan pengubatan di kawasan hutan yang berhampiran dengan rumah beliau. Jumlah daun dan bunga yang digunakan untuk persembahan *Siwang*

Asik atau *Siwang Kebut* buat masa ini juga semakin sedikit kerana kesukaran untuk memperoleh sumber hutan tersebut dari hutan sekitar (berdasarkan temu bual pengarang dengan Bah Kang pada 29 November 2013).¹ Hiasan kepala yang dipanggil *tempok* masih dipakai oleh para peserta *siwang*, namun kini telah diubah suai dari aspek bahan pembuatan. Pada masa dahulu, *tempok* diperbuat daripada anyaman daun mengkuang atau kulit kayu terap yang dihiasi dengan dedaun dan bunga wangi yang diperolehi dari hutan sekitar seperti daun lebak, tanduk rusa dan bunga *mengi* atau bunga tahi ayam (lihat Rajah 2). Hal ini bersesuaian dengan penerangan Hood Salleh (2006, 27) berkenaan hiasan kepala tersebut, “Headresses are crown-like and made from either plaited pandanus, tree bark, rhizomorph roots, leaves, flowers, palm fronds or rattan”.



Rajah 2. *Tempok* dahulu

Pada masa kini, Semai di Kampung Bukit Terang menggunakan penyedut minuman atau daun kelapa untuk membuat *tempok* dihiasi dengan bunga plastik yang berwarna-warni sebagai hiasan *tempok* (lihat Rajah 3). Perhiasan yang diperbuat daripada bunga plastik lebih tahan lama dan boleh disimpan dalam jangka masa yang panjang serta boleh digunakan semula.

Rantai yang dipakai oleh para penari dan pemain *centung* Kumpulan Bah Lut pada suatu ketika dahulu diperbuat daripada buah *karril* yang tumbuh di tepi sungai di kawasan persekitaran petempatan komuniti Semai malah kadangkala buluh perindu juga diikat untuk dijadikan rantai. Kini, mereka lebih gemar memakai rantai manik dari Sabah yang kelihatan lebih menarik dan cantik. Rantai ini lazimnya dipakai untuk tujuan *bersiwang* berbanding perhiasan diri pada hari-hari biasa. Merujuk temu bual pengarang dengan Bah Alo³ pada 30 November 2013, buah *karril* sudah tiada lagi di tepi-tepi sungai sekitar Kampung Bukit Terang sendiri. Selain itu, buluh perindu juga agak sukar diperolehi pada masa ini.



Rajah 3. *Tempok* daun kelapa yang dihiasi bunga plastik

Sebelum ini, *ce'nol* menggunakan warna semula jadi daripada bahan yang diperoleh dari hutan. Kini, Kumpulan Bah Lut menggunakan warna poster. Berdasarkan temu bual pengarang dengan salah seorang penari Kumpulan Bah Lut, warna poster digunakan kerana warnanya lebih terang, menarik dan tahan lama serta tidak mudah luntur sekiranya persembahan mereka mengambil masa yang lama.

Menurut Bah Kang dalam temu bual yang dijalankan pada 29 November 2012,¹ kostum untuk bersiwang sebelum ini hanya bercawat dan memakai anyaman daun kelapa seperti yang dinyatakan oleh Hood Salleh (2006, 27), “Orang Asli men traditionally wore loincloths made from the bark of the Terap or Ipoh tree. The women wore skirts made either from leaves, pandanus or black root”.

Setelah mereka terdedah kepada dunia luar, kain batik dan baju-T menjadi pilihan peserta wanita manakala peserta lelaki pula memakai seluar paras lutut tanpa baju atau baju yang diperbuat daripada kulit kayu (lihat Rajah 4 dan 5). Berkenaan hal ini, Hood Salleh (2006, 27) menyatakan “Contact with the outside world has led to the Orang Asli adopting Malay dress for both men and women”.

Selain itu, aspek koreografi ritual ini turut mengalami perubahan. Asalnya, tarian *siwang* ditarikan dalam bentuk bulatan seperti yang diilhamkan daripada mimpi. Kini, gerak-geri tarian *siwang* turut diubah bersesuaian dengan elemen persembahan budaya. Tarian dikoreografi seperti gerak-geri tarian masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak. Menurut Bah Johan dalam temu bual pada 28 November 2012,² beliau bertanggungjawab mengubah suai gerak-geri tarian *siwang* agar persembahan Kumpulan Bah Lut lebih menarik. Beliau menjadikan

gerak-geri tarian ngajat dan sumazau sebagai panduan. Hal tersebut turut diperkukuh melalui pernyataan berikut:

Struktur atau gerak tari tarian *sewang* juga telah berubah, bersesuaian dengan keperluan sesuatu pertunjukan. Ada antaranya dikoreografikan mengikut sesuatu jalan cerita (seperti gaya bekerja di ladang, memburu dan sebagainya). Oleh itu, wujud unsur-unsur peminjaman daripada budaya-budaya lain, khususnya gerak tari masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak. (Edo 2006, 71)



Rajah 4. Kostum peserta *siwang* wanita



Rajah 5. Kostum peserta *siwang* lelaki

Kumpulan Bah Lut dari Kampung Bukit Terang masih mengekalkan lagu-lagu mimpi dalam persembahan mereka. Sumber lagu mimpi yang dinyanyikan oleh Bah Kang berkait rapat dengan alam persekitaran (hutan). Bah Kang memperoleh lagu-lagu mimpi melalui proses pembelajaran daripada bapa beliau. Setelah beliau menjadi *hala'* pada usia 30-an, terdapat lagu-lagu yang dinyanyikan dalam upacara ritual *siwang* diperoleh daripada mimpi tanpa sebarang tokok tambah. Lagu mimpi yang dinyanyikan oleh Bah Kang selaku *hala'* masih diiringi *centung* sahaja bagi ritual *Siwang Kebut* manakala *centung* dan *remana* bagi ritual *Siwang Asik*. Alat muzik yang dimainkan dalam ritual *siwang* juga masih dikekalkan oleh Kumpulan Bah Lut.

Pencerobohan dan kemusnahan hutan turut mempengaruhi amalan bersiwang dalam kalangan komuniti Semai di Kampung Bukit Terang. Hutan dibersihkan untuk tujuan pembangunan menyebabkan sumber hutan untuk tujuan ritual sukar diperoleh. Daripada temu bual dengan Bah Kang sekitar tahun 2014,¹ beliau telah mengambil langkah proaktif dengan menanam beberapa jenis tumbuhan yang penting untuk tujuan ritual. Pembangunan yang melibatkan kebanyakan tanah komuniti Semai dan pengaruh budaya global memberi impak kepada budaya serta spiritual termasuk identiti etnik mereka (Nicholas, Tijah dan Tiah 2003, 17).

Pembangunan teknologi mengubah gaya hidup komuniti Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Secara tidak langsung, hal tersebut turut memberi impak terhadap ritual *siwang*. Sebelum ini, *siwang* menjadi wadah hiburan utama dalam kalangan komuniti Semai di Kampung Bukit Terang namun remaja Semai di Kampung Bukit Terang kini terdedah kepada dunia hiburan yang lebih menarik melalui televisyen yang dilengkapi dengan perkhidmatan televisyen bersatelit dan radio berbayar ASTRO, radio, cakera padat dan pusat hiburan di sekitar bandar Kampar. Menerusi temu bual dengan Bah Johan pada 30 November 2013,² beliau mengakui bahawa anak-anak muda Semai di perkampungan beliau kini lebih tertarik dengan hiburan yang boleh ditonton melalui video cakera padat (VCD) dan juga televisyen. Bagi komuniti Semai yang berkemampuan di perkampungan Bukit Terang, terutama yang tinggal bersebelahan dengan perkampungan Melayu, rumah mereka juga dilengkapi dengan perkhidmatan ASTRO. Oleh itu, mereka mempunyai pelbagai alternatif untuk mendapatkan hiburan. Chan (2012, 6) berpendapat bahawa pengaruh muzik tradisional di kebanyakan petempatan Orang Asli pada masa ini telah merosot dan mereka lebih tertarik terhadap muzik yang disebar luas oleh media massa.

Polisi integrasi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat dominan bermula pada tahun 1961. Polisi ini kemudiannya digunakan untuk mencapai matlamat mengislamisasikan seluruh komuniti Orang Asli menerusi JAKOA. Tindakan ini memberi faedah kepada komuniti Orang Asli dalam bentuk wang, tempat tinggal dan kemudahan asas seperti elektrik serta bekalan air. Namun demikian, polisi Islamisasi dalam kalangan komuniti Orang Asli memberi impak terhadap budaya dan adat resam mereka. Hal yang sama turut berlaku sekiranya mereka menganuti agama Kristian seperti yang diakui oleh Nicholas, Tijah dan Tiah (2003, 14), “The major impact of a policy of Islamization among the Orang Asli is that Orang Asli culture and tradition are expected to give way to those sanctioned by the new religion”. Hal tersebut terbukti apabila komuniti Semai di perkampungan Bukit Terang yang menganuti agama Kristian dan Islam tidak bersiwang bersama dengan komuniti Semai berkepercayaan animisme.

Justeru, gaya hidup moden selaras dengan pembangunan negara, termasuk penyusutan hutan, pembangunan teknologi dan polisi kerajaan bukan sahaja menyebabkan perubahan dalam ritual *siwang*, bahkan amalan serta fungsi ritual turut berubah.

Kesimpulan dan Saranan

Makalah ini membincangkan perubahan-perubahan dalam ritual *siwang* sebagai akibat daripada perubahan gaya hidup komuniti Semai. Selain itu, faktor pencerobohan dan pemusnahan hutan, pembangunan teknologi, serta polisi

kerajaan turut mempengaruhi ritual *siwang* Kumpulan Bah Lut. *Siwang* mengalami perubahan dari aspek amalan, fungsi, tempat dan masa persembahan, perhiasan dan kostum, serta koreografi tarian.

Kini, amalan ritual *siwang* Semai di Kampung Bukit Terang lebih tertumpu sebagai persembahan kebudayaan komuniti Orang Asli. Budaya *siwang* menjadikan Kumpulan Bah Lut terkenal dalam kalangan JAKOA. Mereka aktif bersiwang di dalam dan di luar kawasan Kampar. Di samping memperkenalkan budaya Semai, persembahan budaya *siwang* turut membantu menghasilkan sumber pendapatan kepada Kumpulan Bah Lut.

Tempat bersiwang juga lebih fleksibel, sama ada di pentas terbuka atau tertutup, di hotel dan di kawasan pasar raya. Sumber hutan yang digunakan oleh komuniti Semai untuk menghias diri turut berubah. Sebagai contoh, tatarias peserta *siwang* dalam Kumpulan Bah Lut menggunakan warna poster dan berus manakala hiasan *tempok* pula menggunakan bunga plastik. Kostum yang dipakai oleh Kumpulan Bah Lut juga mengalami perubahan setelah mereka terdedah kepada perhubungan dengan orang luar.

Mereka tidak lagi bercawat namun memakai seluar *Bermuda* (seluar pendek paras atas lutut yang padan mengikut bentuk paha) bagi lelaki, berbaju-T dan berkain batik bagi perempuan. Sebelum ini, *siwang* hanya diadakan pada waktu malam, namun kini masa bersiwang bergantung pada permintaan penganjur. Pada masa dahulu, persembahan *Siwang Asik* menggunakan damar yang diperoleh dari hutan sekitar namun lampu elektrik kini menggantikan damar untuk menerangi kawasan persembahan *siwang*.

Setiap pergerakan tarian dalam ritual *siwang* ialah hasil daripada kreativiti yang dimanipulasikan pada masa dan dalam ruang tertentu. Dalam hal ini, Kaeppler (2000) menyatakan bahawa sistem pergerakan tarian adalah sebagai akibat proses kreativiti yang dimanipulasikan dan berkaitan dengan kemahiran pergerakan badan dalam masa dan ruang tertentu. Koreografi tarian mengalami perubahan sesuai dengan fungsinya sebagai persembahan budaya. Lantaran itu, Bah Johan telah mengambil inisiatif untuk mengkoreografikan gerak-geri tarian mengikut kreativiti beliau agar penonton tidak bosan dengan gerak-geri yang sama dalam bentuk bulatan. Perubahan tersebut disokong dengan pernyataan daripada Edo (2006) yang menyatakan bahawa struktur atau gerak tari tarian *siwang* dikoreografi semula bersesuaian dengan keperluan pertunjukan.

Namun, lagu-lagu mimpi masih menjadi repertoir Kumpulan Bah Lut dalam persembahan *siwang* mereka. *Centung* dan *remana* atau gendang mengiringi Kumpulan Bah Lut dalam setiap persembahan tanpa sebarang penambahan alat muzik lain. Perubahan elemen *siwang* telah membuka ruang kepada Kumpulan Bah Lut untuk mengkomersialkan budaya mereka. Dalam usaha mengkomersialkan budaya tersebut, Kumpulan Bah Lut memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak seperti JAKOA, pihak korporat, kerajaan, swasta, agensi pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian. Setiap agensi boleh membantu Kumpulan Bah Lut untuk mempromosikan budaya Semai melalui program-program terancang. Pihak media massa dan muzium juga boleh memainkan peranan dalam usaha membantu mempromosikan budaya Semai menerusi Kumpulan Bah Lut.

Dalam era pemodenan dan pembangunan negara, amalan *siwang* bukan sekadar mengubati penyakit dan mewujudkan keseimbangan keharmonian dengan alam ghaib, bahkan kini menjadi satu persembahan budaya selaras dengan perubahan serta perkembangan semasa. Melalui persembahan budaya *siwang*, komuniti Semai secara tidak langsung dapat mengekalkan identiti etnik Orang Asli. Bahkan menurut Kaemmer (1993, 158), muzik lazimnya dapat membantu sesebuah komuniti mengenal pasti etnik mereka dalam kalangan masyarakat yang besar dan masyarakat yang gaya hidup mereka berubah secara drastik. Secara tidak langsung, persembahan *Siwang Asik* sebagai budaya komuniti Semai dapat membantu mengukuhkan identiti etnik mereka dalam kalangan masyarakat dominan. Edo (2006) pula menyatakan bahawa peranan *siwang* kini bukan sahaja menyembuhkan penyakit atau sebagai tanda kesyukuran bahkan menjadi mekanisme jati diri, perpaduan dan patriotisme.

Walaupun berlaku perubahan dari pelbagai aspek dalam kehidupan mereka, amalan ritual *siwang* pada masa ini masih relevan bagi komuniti Orang Asli termasuk komuniti Semai di Kampung Bukit Terang. Kosmologi Semai yang membawa kepada amalan ritual *siwang* dalam kehidupan seharian menjelaskan bahawa amalan ritual ini perlu dikekalkan dan masih relevan dalam era kontemporari ini. Ritual *siwang* dapat mengekalkan hubungan baik antara manusia dengan alam ghaib bagi menjamin keharmonian sejagat.

Selain menjadi satu persembahan budaya, *Siwang Asik* juga boleh diketengahkan sebagai asas tarikan pelancong. Melalui kegiatan pelancongan, pelancong dapat mengetahui tentang gaya hidup, kepercayaan, budaya, adat resam dan pelbagai perihal masyarakat di sesebuah tempat yang dilawati, berpadanan dengan saranan Roday, Biwal dan Joshi (2009, 46) iaitu “Culture is one of the most significant factors, which attract tourists to a destination. Tourism is an important tool for promoting cultural relations and international cooperation”.

Lagu-lagu *siwang* juga perlulah diubah suai selaras dengan usaha untuk menarik para pelancong tanpa menjejaskan elemen tradisional. Sebagai contoh, penggunaan alat muzik *centung* boleh digabungkan dengan alat muzik barat, namun liriknya masih berkisar tentang hutan sekitar.

Selain itu, usaha membina perkampungan budaya di negeri-negeri yang mempunyai penduduk Orang Asli adalah sangat baik. Sehingga kini, hanya terdapat dua buah Pusat Kebudayaan Orang Asli di Malaysia yang salah satunya bertempat di Pulau Carey dan sebuah lagi di Gombak. Pusat kebudayaan tersebut banyak memberikan manfaat kepada kaum Asli yang tinggal di kawasan terbabit. Dengan menyediakan pusat kebudayaan Orang Asli di negeri yang mempunyai ramai Orang Asli, mereka dapat mengembangkan dan mengetengahkan pelbagai khazanah budaya komuniti Orang Asli termasuk *siwang*.

Walaupun Kumpulan Bah Lut tidak terlibat dalam semua usaha yang bertujuan mempromosikan budaya *siwang*, namun usaha tersebut masih dapat membantu kaum Asli lain memperkenalkan budaya Orang Asli kepada masyarakat dominan termasuk para pelancong. Usaha kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dalam memelihara dan memulihara budaya komuniti Orang Asli secara amnya juga secara tidak langsung memberikan kesan kepada *siwang* Kumpulan Bah Lut dari Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak.

Selain memperkenalkan *siwang*, JAKOA perlu berusaha untuk mendokumentasikan budaya *siwang* agar generasi muda Semai dapat mengenali dan menghargai budaya mereka. Dokumentasi tersebut juga perlu disimpan dan diarkibkan untuk kajian pada masa depan. Pada masa ini, terdapat kekurangan dokumentasi tentang budaya komuniti Orang Asli dan tumpuan lebih banyak diberikan kepada aspek pembangunan sosioekonomi. Pihak institusi pengajian tinggi dan JAKOA seharusnya berganding bahu dalam usaha menggalakkan para siswazah jurusan tertentu menghasilkan lebih banyak penulisan berkenaan budaya.

Nota

1. Beberapa siri temu bual dijalankan oleh pengarang dengan Bah Kang pada sekitar tahun 2012–2014 di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Bah Kang merupakan seorang *hala'* dan Ketua Budaya di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak.
2. Beberapa siri temu bual dijalankan oleh pengarang dengan Bah Johan pada sekitar tahun 2012–2014 di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Bah Johan ialah Batin atau Penghulu di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Temu bual-temu bual tersebut diadakan di rumah Bah Kang.
3. Temu bual dijalankan oleh pengarang dengan Bah Alooi pada sekitar tahun 2014 di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Bah Alooi ialah menantu Bah Kang yang menetap di rumah Bah Kang. Beliau juga merupakan salah seorang peserta *siwang*.

Bibliografi

- Blacking, J. 1973. Music in society and culture. In *How musical is man?*, 32–53. Washington DC: University of Washington Press.
- Carey, I. 1976. The Senoi. In *Orang Asli the aboriginal tribes Peninsular Malaysia*, 129–213. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Carlin, R. 1987. *Mans' s earliest music*. New York: Facts on File Publications.
- Chan, C.S.C. 2012. Heterogeneity in the musical acquisition of Orang Asli children from the Mah Meri and Semai groups. *Malaysian Music Journal* 1(2): 7–21.
- Cubitt, G. and Moore, W. 1995. *This is Malaysia*. London: New Holland Publishers (UK) Ltd.
- Dentan, R.K. 1968. *The Semai: A nonviolent people of Malaya*. London: Holte, Richart and Winston.
- Dentan, R.K., Endicott, K., Gomes, A.G. and Hooker, M.B. 1997. Orang Asli before development. In *Malaysia and the original people: A case study of the impact of development on indigenous people*, 23–47. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Edo, J. 2006. Sewang Orang Asli: Perubahan tema dalam kesenian rakyat. In *Lagu rakyat memupuk kesantunan Melayu*, eds. Rogayah A. Hamid and Jumaah Ilias, 59–73. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endicott, K. 2000. The Batek of Malaysia. In *Endangered peoples of Southeast and East Asia*, ed. L.E. Sponsel, 101–119. Connecticut: Greenwood Press.
- . 1979. *Batek Negrito religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Fowler, C.B. 1994. *Music! Its role and importance in our lives*. California: McGraw-Hill/Glencoe.
- Haliza Abdul Rahman. 2010. Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: Tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 17: 111–134.
- Hood Salleh. 2006. *Encyclopedia of Malaysia: Peoples and traditions*. Singapore: Archipelago Press.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2012. <http://www.jakoa.gov.my>
- JAKOA Negeri Perak dan Kedah. 2012. <https://www.perakgis.my/jakoa/>
- Kaemmer, J.E. 1993. Changes and continuity. In *Music in human life*, 170–204. Texas: University of Texas Press.
- Kaeppler, A.L. 2000. Dance ethnology and the anthropology of dance. *Dance Research Journal* 32(1): 116–125. <https://doi.org/10.2307/1478285>
- Lim, H.F. 1997. *Orang Asli: Forest and development*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia.
- McCaskill, D. and Kampe, K., eds. 1997. From tribal peoples to ethnic minorities: The transformation of indigenous peoples; A theoretical discussion. In *Development or domestication?: Indigenous peoples of Southeast Asia*, 24–60. Bangkok: Silkworm Books.
- Mohd Taib Osman. 1989. Religion and folk beliefs in village life and the institutions of *pawang* and *bomoh*. In *Malay folk beliefs*, 48–74. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nicholas, C. 2000. Literature review and conceptual framework. In *The Orang Asli and the contest for the resources*, 43–65. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA) and Center for Orang Asli Concerns.
- Nicholas, C., Tjahjok Chopil and Tiah Sabak. 2003. *Orang Asli women and the forest*. Selangor, Malaysia: Center for Orang Asli Concerns.
- Noraziti Selat. 1994. Animisme. In *Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu* (vol. 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlida Mohd Jalaludin. 2003. *Hutan sebagai sumber seni muzik suku kaum Semai*. MA dissertation, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Piper, M.J. 1992. Folk beliefs and entertainment. In *Bamboo and rattan, traditional uses and beliefs*, 62–73. Singapore: Oxford University Press.
- Roday, S., Biwal, A. and Joshi, V. 2009. Types of tourism. In *Tourism operations and management*, 45–47. New Delhi: University Oxford Press.
- Roseman, M. 1991/1993. *Healing sounds from the Malaysian rainforest*. London: University of California Press.
- . 1984. The social structuring of sound: The Temiar of Peninsular Malaysia. *Ethnomusicology* 28(3): 411–445. <https://doi.org/10.2307/851233>
- Transparency International Malaysia. 2013. Homepage. <https://transparency.org.my>